

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 30, 2019 2:44 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Terkenang Kampung Halaman Beraya Di Perantauan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 MEI 2019 / 25 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Ihsan Fauzan Sholeh dan Etri Ernovianti

TERKENANG KAMPUNG HALAMAN BERAYA DI PERANTAUAN



UUM ONLINE: Empat tahun beraya di perantauan menggamit perasaan pelajar Doktor Falsafah (Perakaunan), Fauzan Sholeh yang terkenangkan keluarga dan masakan Indonesia apabila tibanya Hari Raya Aidilfitri.

Fauzan yang merupakan Penolong Pengetua di Inapan Siswa (INASIS) Maybank berkata, setiap tahun dia akan memasak makanan Indonesia seperti opor ayam dan ketupat untuk dihidangkan pada pagi Syawal.

"Saya akan menjemput rakan-rakan senegara yang tidak pulang ke kampung untuk beraya bersama di INASIS Maybank selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri, sekurang-kurangnya terubat rasa rindu pada kampung halaman.

"Suasana sambutan raya di Malaysia dan Indonesia juga tidak banyak berbeza dan menjadi rutin seperti orang lain juga kami akan mengunjungi sanak saudara, namun apabila beraya

jauh dari ibu dan keluarga lain di Malang, Jawa Timur membuatkan saya rasa rindu dan sunyi," katanya yang tinggal di UUM bersama isteri dan seorang anak perempuan.

Tambahnya lagi, persiapan raya juga hanya dilakukan secara sederhana kerana mereka tidak mengutamakan pakaian baharu atau juadah untuk beraya disebabkan makanan di Malaysia dan negaranya tidak jauh berbeza.

Fauzan berkata, jika dia tidak pulang beraya di kampung halaman, dia sekeluarga akan beraya ke rumah abangnya yang bekerja sebagai pemotong rumput di Sungai Buloh, Selangor.

"Saya berharap dapat pulang ke kampung halaman pada tahun ini sekiranya dapat menyiapkan tesis, Viva dan konvokesyen pada tahun ini juga," katanya.

Sementara itu, pelajar Doktor Falsafah (Kewangan dan Perbankan), Etri Ernovianti berkata, pada tahun ini dia akan pulang ke Palembang, Sumatera Selatan bagi meraikan Aidilfitri.

Menurutnya, persiapan raya kali ini sangat meriah kerana dia dapat pulang ke kampung dan pada masa sama sudah selesai menyiapkan tesisnya.

Katanya, dia sudah membeli pakaian baharu untuk dipakai pagi Syawal nanti, selain kuih raya dan ketupat palas untuk dibawa pulang ke kampung halaman pada 4 Jun nanti.

"Kebanyakan kuih raya ini disediakan keluarga angkat dan juga penyelia tesis saya. Kali ini hari raya saya memang sangat meriah dan saya tidak sabar untuk pulang ke Indonesia untuk meraikan Syawal.

"Tahun lalu saya hanya menyambut Aidilfitri bersama rakan di UUM sahaja dan perasaan sedih memang dirasai kerana tiada ahli keluarga lain, namun yang menggembirakan sambutan raya di Malaysia adalah perayaan ini disambut selama sebulan tetapi di Indonesia hanya seminggu sahaja," katanya yang sudah 11 tahun berada di Malaysia.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.